

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

SELASA, 3 NOVEMBER 2020 **BH**

Nasional

Sultan Selangor ucap tahniah 2 petugas HSB

Shah Alam: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, menzahirkan ucapan tahniah kepada dua petugas Hospital Sungai Buloh (HSB) yang menerima pengiktirafan Anugerah Kesihatan Global (GHA 2020).
Ucapan tahniah itu dizahirkan kepada Ketua Jabatan Penyakit Berjangkit, Dr C Suresh

Kumar dan Ketua Jabatan Anestesia dan Rawatan Rapi, Dr Shai-ful Azman Zakaria.

"Baginda amat berbangga dengan pencapaian cemerlang petugas barisan hadapan di Hospital Sungai Buloh khususnya dan di Selangor amnya, yang menunjukkan dedikasi dan komitmen tinggi dalam usaha menghapus-

kan wabak berbahaya COVID-19.

"Baginda berharap petugas barisan hadapan terus tabah dan cekal dalam menjalankan tugas masing-masing merawat pesakit COVID-19," titah baginda menerusi Facebook Selangor Royal Office, semalam.

Sultan Selangor turut mengingatkan pihak berkuasa tem-

patan (PBT) dan polis supaya lebih tegas dalam pemantauan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berikutan statistik kes baharu COVID-19 di negeri itu terus meningkat.

"Baginda juga kecewa kerana masih terdapat segelintir pihak tidak mengambil serius, lalai dan

ingkar dalam mematuhi arahan PKPB khususnya pengendali premis hiburan dan makanan.

"Baginda khuatir sekiranya kedegilan pematuhan SOP di bawah PKPB ini berterusan, penularan wabak berbahaya COVID-19 akan sukar untuk diban-teras sepenuhnya," titah Sultan Sharafuddin.

Pemulanan COVID-19

834 kes positif, 2 kematian

Labuan catat peningkatan hampir enam kali ganda

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kes baharu positif COVID-19 di negara ini masih tinggi apabila sebanyak 834 kes dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 33,339, setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Labuan mencatatkan peningkatan hampir enam kali ganda iaitu 105 kes, berbanding kelmarin dengan hanya 18 kes positif.

Beliau berkata, berikutan itu, lebih banyak saringan bersasar yang dijalankan di lapan-

gan dengan saringan komuniti yang dijalankan di Jalan Tenaga berjaya mengesan 57 lagi kes positif COVID-19 semalam.

"Sabah pula mencatatkan sebanyak 503 kes atau 60.3 peratus, manakala negeri di Lembah Klang mencatatkan 157 kes bersamaan 18.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Secara keseluruhannya, Sabah, negeri di Lembah Klang dan Labuan mencatatkan sebanyak 765 kes iaitu 91.7 peratus. Semua negeri-negeri ini masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, selain itu 7.7 peratus atau 64 kes semalam disumbangkan oleh kluster di penjara dan berkaitan pusat tahanan sementara (PTS) iaitu PTS Tawau 42 kes, Kluster Penjara Seberang Perai (sembilan), Kluster Penjara Ke-

payan (lapan), Kluster Rumah Merah (empat), dan Kluster Penjara Tapah (satu kes).

"Tiga kes hari ini pula adalah kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara masing-masing satu kes dari Amerika Syarikat (AS), India dan Indonesia," katanya.

Memperincikan mengenai kes semalam, selain Sabah yang menyumbangkan 503 kes, negeri lain yang mencatatkan pertambahan kes ialah Selangor iaitu 129, disusuli Pulau Pinang (21), Kuala Lumpur (20), Negeri Sembilan (16), Sarawak (14), Johor (lapan), Putrajaya (enam), Kedah (tiga), Perak (tiga), Kelantan (dua) dan Pahang (satu).

Dua kes kematian dilaporkan semalam di Kota Kinabalu dan Sandakan, Sabah membabitkan mangsa berusia 75 dan 88 tahun, menjadikan jumlah kumulatif kematian sebanyak 251 atau 0.8 peratus daripada

jumlah keseluruhan kes.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga jam 12 tengah semalam terdapat 900 kes pulih menjadikan jumlah kumulatif kes yang sudah pulih sepenuhnya adalah 23,120 kes atau 69.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Sementara itu, katanya, sebanyak tujuh individu termasuk seorang petugas media yang sepatutnya bertugas di Parlimen disahkan positif melalui saringan sebelum sidang Dewan Rakyat bermula.

Katanya, mereka termasuk seorang polis bantuan dan isterinya, rakan sekerjanya, seorang petugas media serta pembantu seorang senator.

"Seorang polis bantuan didapati positif dan kita menjalankan pengesanan kontak dan mendapati tiga daripada rakan sekerjanya serta isterinya juga positif. Sudah ada lima kes di situ.

"Seorang lagi bekerja dengan



Dr Noor Hisham Abdullah

media dan kami sudah menjalankan pengesanan kontak terhadap tujuh ahli keluarganya dan keputusan ujian masih belum diperoleh.

"Pembantu seorang senator didapati positif dan kami sudah mengenal pasti 12 kontak rapat. Walaupun pembantu itu positif, mereka mungkin dalam tempoh inkubasi jadi kami kuarantin se-muanya," katanya.

Beliau berkata, ada tempoh enam minggu daripada hari terakhir Dewan Negara bersidang pada September lalu sehingga mereka menjalani ujian saringan minggu lalu.

Justeru, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya tidak tahu di mana kakitangan terbabit terdedah kepada jangkitan COVID dan siasatan masih dijalankan.

Lima kluster baharu dikenal pasti di 8 negeri

Putrajaya: Lima kluster baharu dikenal pasti di beberapa negeri termasuk di Negeri Sembilan, Sarawak, Sabah, Kedah dan Putrajaya hasil saringan individu bergejala serta saringan bersasar terhadap komuniti berisiko tinggi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham, berkata Kluster Pusat Tahanan Sementara (PTS) Tawau dikesan di Tawau, Sabah yang sudah mengjangkiti 104 individu.

"Kes indeks bagi kluster ini iaitu kes ke-15,423 dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 5 Oktober lalu. Saringan kontak rapat berjaya mengesan 103 lagi individu positif dan semua mereka dimasukkan ke Hospital Tawau untuk rawatan lanjut.

"Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam), seramai 1,671 individu disaring dan daripada jumlah berkenaan 1,567 indi-

vidu masih menunggu keputusan," katanya dalam sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, satu kluster dikesan membabitkan sub zon Batu Arang di Labuan iaitu Kluster Tenaga dan sudah jangkiti 57 individu.

"Kes-kes bagi kluster ini dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan bersasar terhadap komuniti berisiko tinggi hari ini (semalam) dan mereka dimasukkan ke Hospital Labuan untuk tindakan lanjut. Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam) seramai 103 individu disaring dan 46 individu masih menunggu keputusan.

"Kluster ketiga dikesan di beberapa negeri antaranya Seremban, Port Dickson dan Rembau di Negeri Sembilan, daerah Petaling di Selangor, Johor Bahru dan Putrajaya.

"Kluster berkenaan dinamakan

sebagai Kluster Gedong dan kini sudah mengjangkiti 12 individu. Kes indeks bagi kluster ini iaitu kes ke-29,341 dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 27 Oktober lalu sebelum dimasukkan ke Hospital Rembau.

"Saringan dilakukan terhadap 61 individu dan daripada jumlah berkenaan 12 individu dikesan positif, 19 individu negatif dan 30 lagi masih menunggu keputusan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Wisma Saberkas pula dikesan di Kuching, Sarawak membabitkan kes indeks iaitu kes ke-30,813 yang dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala Jumaat lalu dan dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak.

"Sehingga 12 tengah hari ini (semalam), seramai 130 indivi-

du sudah disaring dan daripada jumlah berkenaan lapan kes dikesan positif COVID-19, 10 individu dikesan negatif dan 112 individu lagi masih menunggu keputusan.

"Manakala kluster terakhir yang dikesan hari ini (semalam)

ialah Kluster Seridana di Putrajaya apabila kes indeks bagi kluster ini iaitu kes ke-32,505 dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 31 Oktober lalu," katanya.

Dr Noor Hisham berkata sehingga jam 12 tengah hari semalam, seramai 31 individu sudah disaring dalam Kluster Seridana dan lima individu disahkan positif, manakala 26 individu lagi masih menunggu keputusan.

Dr Noor Hisham berkata, satu kluster sudah tamat pemantauan iaitu Kluster Sungai di Kedah



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

6 www.hmetro.com.my @hmetromy @hmetromy @hmetromy

Selasa 03.11.2020 | Harian Metro

covid-19



ANGGOTA Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Labuan dalam Op Benteng Laut Timur melakukan rondaan di perairan Labuan susulan arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPPB) di wilayah itu dalam usaha membanteras penularan Covid-19.

Kluster PTS Tawau jangkiti 104 individu

Lima kluster baharu dikesan di tiga negeri, Putrajaya dan Labuan

Oleh Raja Noraina Raja Rahim dan Ekhwan Haque Fazul Haque am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Lima kluster baharu Covid-19 dikenal pasti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di tiga negeri dan Wilayah Persekutuan Putrajaya serta Labuan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tiga negeri berkenaan adalah Sabah, Negeri Sembilan dan Sarawak.

Menurutnya, Kluster PTS Tawau dilaporkan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) di Tawau yang menjangkiti 104 individu.

Johor Bahru: Pekan Kempas dan sekitarnya lengang susulan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran dilaksanakan di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKMM) Johor Bahru, sejak Jumaat lalu. Tinjauan di kawasan Kempas dan sekitarnya mendapati beberapa kawasan tumpuan umum termasuk Pusat Perniagaan



Kluster Tenaga pula membabitkan subzon Batu Arang di Labuan dan kes bagi kluster ini dikenal pasti positif hasil saringan bersasar terhadap komuniti berisiko tinggi pada hari ini (semalam)."

Dr Noor Hisham Abdullah

"Kes indeks bagi kluster ini (kes ke-15,423) dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 5 Oktober lalu.

"Saringan kontak rapat mengesan 103 lagi kes po-

sitif Covid-19. Kesemua kes dimasukkan ke Hospital Tawau.

"Kluster Tenaga pula membabitkan subzon Batu Arang di Labuan dan kes bagi kluster ini dikenal pasti positif hasil saringan bersasar terhadap komuniti berisiko tinggi pada hari ini (semalam).

"Seramai 57 individu dikesan positif manakala 46 orang lagi masih menunggu keputusan," katanya ketika sidang media harian Covid-19 di Putrajaya, semalam.

Selain itu, beliau berkata, Kluster Gedong dikenal pasti di Seremban, Port Dickson dan Rembau di Negeri Sembilan; Petaling, Selangor; Johor Bahru, Johor serta Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Pekan Kempas lengang

Baru Pasar Taman. Dahlia yang sebelum ini dipenuhi orang awam, kini lengang berbanding kebiasaannya.

Peniaga di medan selera pusat perniagaan itu turut mengeluh apabila perniagaan makanan mereka terjejas berikutan orang ramai bimbang untuk mengunjungi kawasan itu sejak Sabtu

lalu. Peniaga nasi campur, Hanita Hashim, 50, berkata, sebelum ini kedatangan orang ramai menggalakkan selesap media melaporkan kewujudan klip audio palsu yang mengatakan 99 peratus kawasan Kempas adalah zon merah.

Katanya, sebaik berita

Menurutnya, kes indeks bagi kluster itu (kes ke-29,341) dikesan positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 27 Oktober lalu dan dimasukkan ke Hospital Rembau.

"Saringan kontak rapat mengesan sebanyak 11 lagi kes positif Covid-19 manakala 19 individu dikesan negatif dan 30 individu masih menunggu keputusan," katanya.

Bagi Kluster Wisma Sberkas yang membabitkan daerah Kuching, Dr Noor Hisham berkata, kes indeks bagi kluster itu (kes ke-30,813) dikesan positif hasil saringan individu bergejala pada 30 Oktober dan dimasukkan ke Hospital Umum.

ILKMM Johor Bahru diarahkan menjalani PKPD sejak Jumaat dilaporkan, kunjungan orang ramai ke kawasan perniagaan di situ dan Kempas merudum.

"Perniagaan nasi campur saya merosot hingga 80 peratus apabila tiada pelanggan berani datang makan di sini, malah bermula jam 11 pagi, langsung tiada pelanggan sejak Sabtu lalu," katanya.

Kebolehhajangan mula menurun

Kuala Lumpur: Nilai kebolehhajangan atau Ro (R naught) kini sudah menurun kurang daripada satu menjadikan bilangan kes positif dapat dikurangkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, setakat ini R naught sekitar 0.95 dan ia menjadi petunjuk yang baik kepada aktiviti kesihatan yang dijalankan di lapangan.

Menurutnya, dalam tempoh dua minggu ini KKM berjaya menurunkan R naught ini kurang daripada satu.

Katanya, KKM juga berharap angka itu dapat diturunkan lebih rendah lagi dan mampu mengurangkan kadar kebolehhajangan dalam komuniti.

"Kita harap dapat tingkatkan aktiviti kesihatan awam dan kawal dalam tempoh dua hingga tiga



DR Noor Hisham

minggu ini dan kes boleh turun di sabah dan negeri lain.

"Kes semakin berkurangan di Kedah dan ini adalah kejayaan kita kawal di Kedah dan kita akan guna pakai pengalaman ini bagi mengurangkan kes di Sabah," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Kelengkapan rawat pesakit di Sabah cukup

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menafikan dakwaan kelengkapan kesihatan bagi merawat Covid-19 di Sabah tidak mencukupi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, KKM lebih bersedia daripada pelbagai sudut bagi menghadapi gelombang ketiga virus berkenaan.

Menurutnya, kesiapsiagaan dari segi petugas barisan hadapan dan kapasiti peralatan juga ditambah baik daripada sebelum ini.

Beliau berkata, sebagai persediaan awal juga, KKM sudah menghantar petugas barisan hadapan ke Sabah sebelum Pilihan Raya Negeri (PRN) diadakan September lalu.

"Dakwaan itu tidak benar kerana kita lebih bersedia untuk menghadapi gelombang ketiga ini.

"Peralatan seperti pakaian perlindungan diri (PPE)

juga sudah dihantar menerusi perolehan kecemasan berjumlah RM25 juta selain kapasiti katil di hospital juga ditambah," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Katanya, setakat ini KKM sudah menyediakan 8,539 katil di seluruh Sabah untuk rawatan Covid-19 dan kapasiti penggunaannya sudah 60 peratus.

Katanya, bekalan PPE juga boleh bertahan sehingga 29 hari manakala PPE sumbangan kerajaan Sabah dan badan bukan kerajaan (NGO) boleh digunakan untuk tempoh 90 hari lagi.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, KKM juga sudah menaik taraf Hospital Semporna sebagai pusat rawatan Covid-19 bagi mengurangkan kebergantungan pada Hospital Tawau.

"Pesakit di Semporna kini boleh dirawat tanpa perlu pergi ke Hospital Tawau," katanya.

RINGKAS

Kluster Sungai diisytihar tamat

Kuala Lumpur: Kluster Sungai yang membabitkan Kedah dan Perlis diisytihar tamat semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, seramai 25,406 individu disaring dalam kluster berkenaan.

"Daripada jumlah itu, 101 kes dikesan positif Covid-19 dan baki 25,305 individu negatif. Terdapat satu kes kematian dilaporkan dalam kluster itu.

"Kadar positifiti bagi kluster itu adalah 0.40 peratus," katanya pada sidang media harian Covid-19 di Putrajaya, semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR HARIAN • SELASA 3 NOVEMBER 2020

MEMERANGI WABAK COVID-19



11

Sabah belum kritikal

KKM sahkan kapasiti kesihatan di negeri itu masih mampu tampung pesakit

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menepis dakwaan sesetengah pihak bahawa situasi di Sabah kini semakin kritikal.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata,

kapasiti kesihatan di negeri itu masih mampu menampung jumlah pesakit. "Pihak yang membuat pelbagai dakwaan dengan mengatakan peralatan kesihatan tidak mencukupi mungkin mereka tidak turun padang," katanya pada sidang akhbar perkembangan Covid-19 di KKM di sini semalam.

Menurutnya, walaupun cabaran menangani gelombang ketiga Covid-19 lebih mencabar berbanding gelombang pertama, namun KKM kini lebih bersedia.

"Pelbagai dakwaan seperti kekurangan katil, namun jika kita lihat hari ini (semalam) kes discaj di Sabah juga meningkat," katanya.

Menurutnya, perolchan

darurat sebanyak RM25 juta telah diluluskan dengan RM18 juta untuk peralatan perlindungan peribadi (PPE) dihantar ke Sabah.

"Bakinya sebanyak RM7 juta lagi diagih kepada hospital dan pejabat kesihatan daerah," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan rekod, PPE KKM masih lagi boleh bertahan sehingga 29 hari namun a d a

bekalan PPE yang boleh bertahan sehingga 97 hari.

"Kita juga banyak menerima sumbangan PPE daripada kerajaan negeri Sabah dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"M a k a dengan jumlah PPE yang ada ini, kita tidak akan menghadapi isu putus bekalan," katanya.



DR NOOR HISHAM

Kes pulih atasi kes baharu

PUTRAJAYA - Jumlah kes pulih koronavirus (Covid-19) semalam mengatasi angka kes positif baharu dengan 900 kes pulih dilaporkan berbanding kes baharu sebanyak 834 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ini menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 adalah 9,968 kes selain 23,120 kes yang telah pulih sepenuhnya daripada jangkitan itu.

"Daripada jumlah kes positif itu 831 adalah kes penularan dalam negara manakala tiga lagi adalah kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara masing-masing satu kes dari Amerika Syarikat, India dan Indonesia.


"Kesemua kes baharu hari ini (semalam) melibatkan kes-kes di Sabah sebanyak 503, Selangor (129), Labuan (105) Pulau Pinang (21), Kuala Lumpur (20), Negeri Sembilan (16), Sarawak (14).

"Manakala Johor sebanyak lapan kes, Putrajaya (6), Kedah dan Perak masing-masing tiga kes, Kelantan (2) dan Pahang (1)," katanya pada sidang akhbar perkembangan Covid-19 di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 91 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi dengan 32 kes memerlukan bantuan pernafasan dan dua kematian direkodkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 adalah 251 kes.


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




*Dikemas kini pada jam 8 malam 2 November 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 32,505 kes kepada 33,339 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI									
JUMLAH KESELURUHAN	33,339	PULIH:	23,120	ICI:	91	KEMATIAN:	251	KES BAHARU	+834



INFOGRAFIK SINAR HARIAN/KEK

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Pulih 900, kes baharu 834

Oleh **PETAH WAZZAN ISKANDAR**
utusannews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia mencatatkan penurunan jangkitan baharu Covid-19 kepada 834 kes semalam berbanding 957 kes kelmarin menjadikan jumlah kumulatif kes positif sebanyak 33,339 kes.

Daripada jumlah tersebut, 831 kes adalah penularan dalam negara manakala tiga lagi kes import yang mendapat jangkitan masing-masing satu dari Amerika Syarikat, India dan Indonesia.

Ini menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan

adalah 9,968 kes.

Jumlah kes pulih pula sebanyak 900 kes yang menjadikan kumulatif kes pulih meningkat kepada 23,120 kes. Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan dua kematian semalam menjadikan jumlah keseluruhan kematian sebanyak 251 kes.

Terdapat 91 kes pesakit sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) manakala 32 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Sabah masih mencatatkan kes positif baharu tertinggi dengan 503 kes manakala Selangor (129), Labuan (105),

Pulau Pinang (21), Kuala Lumpur (20), Negeri Sembilan (16), Sarawak (14), Johor (8), Putrajaya (6), Kedah dan Perak (3), Kelantan (2) dan Pahang (1).

Menurut beliau, KKM mengenal pasti lima kluster baharu iaitu PTS Tawau dengan saringan kontrak rapat mengesan sebanyak 103 lagi kes positif dan mereka dimasukkan ke Hospital Tawau.

Selain itu, kata beliau, Kluster Tenaga di subzon Batu Arang di Labuan membabitkan 57 kes baharu manakala Kluster Gedong membabitkan Seremban, Port Dickson, Rembau di Negeri Sembilan; Petaling di Selangor; Johor Bahru di Johor

dan Putrajaya membabitkan saringan kontrak rapat sebanyak 11 lagi kes.

"Kluster Wisma Saberkas di Kuching, Sarawak membabitkan tujuh kes positif dan Kluster Seridana di Putrajaya pula terdapat empat kes dikesan dan kini dirawat di Hospital Sungai Buloh," katanya.

Sementara itu, Dr. Noor Hisham berkata, Kluster Sungai membabitkan Kedah dan Perlis diisytihar tamat semalam.

"Sehingga hari ini (semalam), seramai 25,406 orang sudah disaring dengan 101 kes positif direkodkan dan satu kematian," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

4

UTUSAN MALAYSIA
SELASA • 3 NOVEMBER 2020

Dalam Negeri

7 individu saringan Parlimen positif Covid-19

PUTRAJAYA: Tujuh individu termasuk petugas media yang akan bertugas pada sidang Dewan Rakyat minggu ini disahkan positif Covid-19 melalui saringan yang dilakukan baru-baru ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya mendapati, ia membabitkan seorang polis bantuan dan isterinya, rakan sekerjanya, seorang petugas media serta pembantu seorang Senator.

Katanya, saringan yang dilak-

kukan minggu lalu mengesan seorang polis bantuan positif maka pengesanan kontak mendapati tiga rakan sekerja dan isterinya positif.

"Seorang lagi dikesan bekerja dengan media dan pengesanan kontak sudah dilakukan terhadap tujuh ahli keluarganya namun keputusan masih belum diperoleh.

"Bagi pembantu khas seorang Senator didapati positif dan kami mengenal pasti 12 kontak rapat. Walaupun pembantu itu positif,

mereka mungkin dalam tempoh inkubasi jadi kami kuarantinkan kesemuanya," katanya dalam sidang akhbar harian di sini, semalam.

Dr. Noor Hisham berkata, pihaknya mendapati ada tempoh enam minggu daripada hari terakhir Dewan Negara yang bersidang pada September lalu sehingga tarikh mereka menjalani ujian saringan.

Katanya, Kementerian tidak tahu kakitangan yang dijangkiti atau siapa pembawa jangkitan itu

kecuali ujian saringan dijalankan setiap dua minggu.

"Inilah cabaran bagi kami. Saringan memang dijalankan namun Kementerian hanya mampu mengesan antara 30 hingga 40 peratus daripada mereka yang bergejala.

"Bagaimanapun, kita semua tahu mereka mungkin tidak bergejala. Jangkitan boleh berlaku dua hari sebelum simptom muncul dan tujuh hari selepas simptom," katanya.

Mengenai dakwaan berlakunya

masalah di Semporna, Sabah, Dr. Noor Hisham berkata, pihak yang membuat pelbagai dakwaan dengan mengatakan peralatan kesihatan tidak mencukupi mungkin mereka tidak turun padang.

Katanya, Kementerian sentiasa memantau keadaan terutama katil untuk pesakit.

"Cabaran di gelombang ketiga lebih tinggi tetapi kesiapsagaan kita juga lebih baik jika dibandingkan pada bulan Mac dan April lalu," ujarnya.

Temco di ILKKM Johor mulai hari ini

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan memuktuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran (Temco) di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Johor Bahru bermula hari ini hingga 16 November.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perintah itu melibatkan seramai 1,559 orang terdiri daripada pelatih institut tersebut, staf serta ahli keluarga dan pekerja sokongan.

Kata beliau, sebanyak 1,515 saringan Covid-19 telah dilaksanakan di kawasan tersebut setakat ini dan daripada jumlah itu, seramai 46 individu didapati positif.

"Dengan pelaksanaan perintah ini semua yang terlibat dikehendaki mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan iaitu pergerakan keluar masuk ke ILKKM adalah tidak dibenarkan dan bekalan makanan kepada pelatih akan dibekalkan oleh kerajaan negeri atau Jabatan Kebajikan Masyarakat.

"Kementerian Kesihatan akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua warga ILKKM dan meneruskan pengesanan kontak rapat," katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) di sini, semalam.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, perintah Temco di Penjara Keping Sabah dan Kuarters Penjara Taman Mat Salleh, Kampung Matambai dilanjutkan lagi selama 14 hari



ISMAIL SABRI YAAKOB

sehingga 16 November ini.

Katanya, sehingga semalam, jumlah kes positif Covid-19 melibatkan lokaliti tersebut adalah sebanyak 1,671 kes manakala bilangan mereka yang disaring ialah seramai 3,509 orang termasuk banduan, pegawai, kakitangan dan ahli keluarga mereka.

Walaupun bagaimanapun, beliau memberitahu, perintah Temco di Kampung Saguking Laut dan Kampung Sebor Baru, Labuan ditamatkan setelah saringan Kementerian Kesihatan mendapati kes positif Covid-19 di kawasan tersebut telah menurun dan terkawal.

Pada masa sama, Ismail Sabri berkata, SOP di beberapa lokaliti di Sabah akan dipinda iaitu membenarkan seorang wakil daripada setiap rumah untuk keluar dari kawasan Temco dengan kebenaran Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Katanya, kebenaran itu adalah bagi tujuan khusus seperti mengeluarkan wang daripada mesin ATM atau bank dan membeli keperluan asas dan barangan bukan makanan lain seperti susu atau lampin bayi.

Menurutnya, pasar juga dibenarkan beroperasi di kawasan Temco dua kali seminggu dari pukul 6 pagi sehingga 2 petang.

Walaupun bagaimanapun, jelas beliau, pindaan SOP itu tidak terpakai di kawasan Penjara dan Pusat Tahanan Sementara di Sabah.

"SOP Temco yang dilaksanakan ketika ini membenarkan kedai runcit dalam kawasan lokaliti beroperasi dari pukul 6 pagi hingga 6 petang.

"Walaupun bagaimanapun, masih terdapat kekangan bagi penduduk di kawasan itu untuk mendapatkan keperluan lain yang tidak terdapat di kedai runcit di kawasan Temco itu," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

4 | **Negara!**



Covid-19 #kitamestimenang

Kosmo/ SELASA 3 NOVEMBER 2020

900 pesakit pulih berbanding 834 kes penularan harian semalam

Hari ketiga lebih ramai pulih

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Negara merekodkan hari ketiga berturut-turut kes sembuh melebihi kes harian dan terbaharu, sebanyak 900 kes pulih dicatatkan semalam berbanding sebanyak 834 kes harian dilaporkan.

Jumlah kes pulih Covid-19 itu menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sebanyak 23,120 kes, manakala angka kes positif di seluruh negara pula sebanyak 33,339 kes.

Selain itu, terdapat peningkatan kes bagi 38 kluster aktif semalam dengan lima daripadanya ialah kluster baharu iaitu Kluster PTS Tawau, Kluster Tenaga, Kluster Gedong, Kluster Wisma Saberkas dan Kluster Seridana.

Dalam masa sama, terdapat pertambahan dua kematian di Sabah menjadikan sebanyak 251 kes kematian direkodkan sehingga kini iaitu lelaki berusia 88 tahun dengan latar belakang osteoarthritis meninggal dunia di Hospital Duchess of Kent.

Satu lagi kematian iaitu wanita berusia 75 tahun di Hospital Queen Elizabeth dengan sejarah penyakit kencing manis, darah tinggi dan dislipidemia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdul-



SEORANG kakitangan menunjukkan tanda bagus selepas PKPD di Penjara Alor Setar ditamatkan semalam. – SHAHIR NOORDIN

lah berkata, Sabah mencatatkan sebanyak 503 kes atau 60.3 peratus, manakala negeri-negeri di Lembah Klang merekodkan 157 kes atau 18.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Menurutnya, Labuan pula mencatatkan peningkatan hampir enam kali ganda daripada 18 kes positif kelmarin kepada 105 kes semalam.

"Kelima-lima negeri ini menyumbang sebanyak 765 kes atau 91.7 peratus secara keseluruhan, manakala lonjakan kes di Labuan

berikutan lebih banyak saringan bersasar yang dijalankan di lapangan.

"Saringan komuniti di Jalan Tenaga, Labuan telah mengenal pasti 57 lagi kes positif dan kesemua negeri ini masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, sebanyak 64 kes atau 7.7 peratus membabitkan Pusat Tahanan Sementara Tawau (42 kes), Kluster Penjara

Seberang Perai (sembilan kes), Kluster Penjara Kepayan (lapan kes), Kluster Rumah Merah (empat kes) dan Kluster Penjara Tapa (satu kes).

Noor Hisham berkata, bagi kluster baharu iaitu Kluster PTS Tawau di Pusat Tahanan Sementara (PTS) di Tawau, Sabah dengan kes indeks wanita berusia 36 tahun hasil saringan bergejala pada 5 Oktober.

"Sebanyak 103 kes positif dikenal pasti selepas saringan kontak rapat terhadap 1,671 individu, manakala 1,567 individu sedang menunggu keputusan.

"Kluster Tenaga pula melibatkan subzon Batu Arang di Labuan dengan kes kluster hasil saringan bersasar terhadap komuniti berisiko tinggi pada 2 November melibatkan 57 kes positif telah dimasukkan ke Hospital Labuan," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Kluster Gedong melibatkan lokasi Seremban, Port Dickson dan Rembau di Negeri Sembilan, daerah Petaling di Selangor, daerah Johor Baharu di Johor dan Putrajaya.

"Kes indeks kluster ini remaja lelaki berusia 16 tahun dan telah dimasukkan ke Hospital Rembau dan saringan kontak rapat terhadap 61 individu mengesan 11 lagi



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	834
Import: 3 Tempatan: 831	
• Pulih	900
• Kematian	2
• Masih dirawat	9,968
• Jumlah kes sembuh	23,120
• Jumlah Kematian	251
Jumlah kes keseluruhan	33,339

kes positif.

"Seterusnya, Kluster Wisma Saberkas di daerah Kuching, Sarawak dengan kes indeks iaitu wanita berusia 40 tahun daripada hasil saringan individu bergejala dan telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak.

"Justeru, tujuh lagi kes positif selepas saringan kontak rapat dijalankan terhadap 130 individu dan 112 lagi masih menunggu keputusan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Kluster terakhir iaitu Kluster Seridana di Putrajaya melibatkan kes indeks lelaki berusia 40 tahun hasil saringan individu bergejala dan susulan itu, empat lagi kes kes positif selepas saringan kontak rapat terhadap 31 individu.

Saringan Parlimen: Tujuh individu didapati positif

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan mengesahkan tujuh individu yang sepatutnya bertugas di Parlimen disahkan positif Covid-19 hasil saringan yang dijalankan sebelum bermula sidang Dewan Rakyat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, mereka yang terabit termasuk seorang petugas media, seorang polis bantuan serta isteri dan rakan sekerjanya serta pembantu seorang senator.

"Polis bantuan tersebut didapati positif dan kita menjalankan pengesanan kontak serta mendapati tiga daripada rakan sekerjanya serta isterinya juga positif jadi, sudah ada lima kes di situ.

"Seorang lagi (positif Covid-19) berkerja dengan media dan kami sudah menjalankan pengesanan kontak terhadap tujuh ahli keluarganya dan keputusan ujian masih belum diperolehi," katanya pada sidang akhbar



NOOR HISHAM

di sini semalam.

Beliau berkata, pembantu seorang senator pula disahkan positif dan susulan itu, 12 lagi kontak rapatnya sudah dikenal pasti.

"Walaupun pembantu itu positif, mereka mungkin dalam tempoh inkubasi jadi kami kuarantin kesemuanya," katanya.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, ada tempoh enam ming-

gu dari hari terakhir Dewan Negara bersidang pada September lalu sehingga mereka menjalani ujian saringan minggu lalu.

Katanya, justeru, pihaknya tidak mengetahui dari mana kakitangan tersebut terdedah jangkitan itu serta pembawanya melainkan jika ujian saringan dijalankan setiap dua minggu.

"Inilah cabaran bagi kami. Saringan memang dijalankan namun kami hanya mampu mengesan antara 30 hingga 40 peratus daripada mereka yang bergejala.

"Bagaimanapun, kita semua tahu mereka mungkin tidak bergejala. Jangkitan boleh berlaku dua hari sebelum simptom muncul dan tujuh hari selepas simptom," katanya.

Terdahulu, media melaporkan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Takiyuddin Hassan memaklumkan beberapa kakitangan Dewan Negara disahkan positif Covid-19.

Pegawai bomba Sabah maut akibat Covid-19

KOTA KINABALU – Ketua Kawangan Operasi Kebombaan Ibu Pejabat Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah, Alias Abu meninggal dunia semalam akibat jangkitan Covid-19.

Pengarah JBPM Sabah, Kamarulzaman Malik Abdullah berkata, Allahyarham Alias, 56, disahkan positif Covid-19 pada 16 Oktober lalu sebelum menghembuskan nafas pada pukul 9.15 pagi semalam.

"Allahyarham adalah anggota bomba Sabah yang pertama terkorban akibat pandemik ini. Ini merupakan satu kehilangan besar buat JBPM Sabah.

"Beliau adalah seorang pegawai yang sangat berdedikasi, bertanggungjawab serta mempunyai disiplin tinggi dalam menjalankan tugas, selain sangat penyabar serta tidak berkira dengan kerja," katanya di sini semalam.

Beliau berkata, Allahyar-



ALLAHYARHAM ALIAS

ham merupakan seorang yang ramah, sangat tenang dan tidak mudah panik apabila ada keceemasan.

"Beliau juga bertugas di bahagian operasi yang merupakan 'jantung' atau tugas utama bomba.

"Allahyarham adalah antara pegawai yang menjadi harapan pasukan, untuk menguruskan pelaksanaan kerja-kerja operasi di seluruh negeri memandangkan agensi itu menjadi sebahagian daripada petugas barisan hadapan," tambahnya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

TUESDAY, NOVEMBER 3, 2020 • NewStraitsTimes

Story of the day / NEWS | 3

Labuan sees nearly six-fold increase in Covid-19 cases

PUTRAJAYA: The Federal Territory of Labuan has emerged as a new area of concern after it registered an almost six-fold increase in new Covid-19 cases over the past 24 hours.

Announcing this yesterday, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said that up to yesterday afternoon, Labuan saw its cases rise from 18 to 105.

He attributed the rise in cases in Labuan to more aggressive testing by the authorities on the ground. Community testing at Jalan Tenaga in Labuan, he noted, unearthed 57 more Covid-19 cases yesterday.

